

Persepsi Mahasiswa Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) terhadap aktiviti Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Tanjong Malim dalam membina kesepaduan sosial

The Perceptions of Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) Students regarding the Activities of the Kawasan Rukun Tetangga (KRT) in Tanjong Malim in Fostering Social Cohesion

Siti Afifah Kamaruzaman* & Khairul Ghufran Kaspin

Jabatan Pengajian Malaysia, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

*Email: m20211002645@siswa.upsi.edu.my

Published: 15 December 2023

To cite this article (APA): Kamaruzaman, S. A., & Kaspin, K. G. (2023). Persepsi Mahasiswa Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) terhadap aktiviti Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Tanjong Malim dalam membina kesepaduan sosial. *Perspektif Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 15, 67–82. <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol15.sp.6.2023>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol15.sp.6.2023>

Abstrak

Kawasan Rukun Tetangga (KRT) telah wujud di Malaysia sejak tahun 1975. Sejak penubuhannya, KRT telah berperanan untuk menjaga keselamatan komuniti setempat. Namun, peranan KRT telah mengalami fasa perubahan iaitu menjadi sebuah medium kesepaduan dalam kalangan masyarakat pelbagai etnik melalui aktiviti yang dianjurkan. Dalam hal ini, mahasiswa merupakan kelompok yang sering terkait dengan aktiviti yang dianjurkan oleh KRT dari sudut kesepaduan etnik kerana terdapat kaitan antara KRT dan mahasiswa. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti partisipasi mahasiswa UPSI yang melibatkan diri dalam aktiviti yang diadakan di KRT. Menerusi pendekatan kuantitatif, satu set soal selidik dijalankan sebagai instrumen kajian yang melibatkan sampel kajian seramai 210 orang mahasiswa Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Data telah dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 23.0. Dapatan menunjukkan bahawa tahap keberkesanan KRT sebagai medium kesepaduan mahasiswa adalah pada tahap tinggi dengan sisihan piawai 0.74 dan min keseluruhan adalah 4.39. Ini membuktikan bahawa KRT telah memainkan peranannya dengan proaktif dalam memastikan kesepaduan antara mahasiswa terjalin dengan baik melalui aktiviti yang dianjurkan. Dari sudut penglibatan pula, tahap mahasiswa yang terlibat dalam aktiviti KRT adalah tinggi dengan sisihan piawai 0.99 dan min keseluruhan adalah 3.63. Hasil juga mendapati tahap kesepaduan etnik dalam kalangan mahasiswa UPSI yang menyertai aktiviti KRT adalah tinggi yang mana sisihan piawai 0.89 dan min adalah 4.07. Kajian ini mendapati bahawa masih wujud kesedaran terhadap kepentingan kesepaduan etnik dalam kalangan mahasiswa. Bagi memastikan kesan pelaksanaan aktiviti KRT terhadap mengukuhkan hubungan etnik di kawasan petempatan penduduk terus berjalan dengan jayanya, semua pihak harus berganding bahu dan bersatu padu dalam menggiatkan lagi pelaksanaan aktiviti KRT.

Kata kunci: aktiviti, batas etnik, Kawasan Rukun Tetangga (KRT), kesepaduan etnik, mahasiswa.

Abstract

Kawasan Rukun Tetangga (KRT) has existed in Malaysia since 1975. Since its establishment, KRT has played a role in ensuring the safety of the local community. However, the role of KRT has undergone a transformative phase, becoming a medium for unity among the diverse ethnic communities through organized activities. In this context, students are a group often associated with activities organized by KRT from the perspective of ethnic unity because of the connection between KRT and students. Therefore, the objective of this study is to identify the participation of UPSI students who engage in activities organized by KRT. Through a quantitative approach, a questionnaire was conducted as a research instrument involving a sample of 210 students from the Universiti

Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Data were analyzed using the Statistical Package for Social Science (SPSS) version 23.0. The findings indicate that the effectiveness of KRT as a medium for student unity is at a high level with a standard deviation of 0.74 and an overall mean of 4.39. This proves that KRT has played a proactive role in ensuring unity among students through organized activities. In terms of involvement, the level of student participation in KRT activities is high with a standard deviation of 0.99 and an overall mean of 3.63. The results also found that the level of ethnic unity among UPSI students participating in KRT activities is high, with a standard deviation of 0.89 and a mean of 4.07. The study found that awareness of the importance of ethnic unity among students still exists. To ensure the continued success of KRT activities in strengthening ethnic relations in residential areas, all parties must work together and unite to enhance the implementation of KRT activities.

Keywords: activities, ethnic boundaries, Kawasan Rukun Tetangga (KRT), ethnic unity, students.

PENGENALAN

Malaysia merupakan sebuah negara yang unik kerana berjaya mencapai kemerdekaan walaupun didiami oleh pelbagai etnik. Hakikatnya pelbagai masalah dalaman pasti wujud dengan adanya kepelbagaian etnik kerana setiap individu mempunyai amalan dan kepercayaan masing-masing. Namun begitu, dengan adanya perpaduan kukuh dalam kalangan masyarakat, isu ini sebenarnya dapat diatasi. Perpaduan yang kukuh dapat diwujudkan menerusi hubungan kejiiran yang baik tanpa mengira perbezaan budaya dan agama dalam kalangan masyarakat setempat. Perbezaan yang wujud bukan penghalang kepada perpaduan, malah menjadikan hubungan masyarakat lebih harmoni. Oleh itu, hubungan kejiiran yang baik dapat menggalakkan semangat perpaduan dalam masyarakat yang terdiri daripada pelbagai etnik (Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, JPNIN, 2021). Dalam hal ini, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) bertanggungjawab untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian masyarakat Malaysia. Hal ini dapat direalisasikan melalui inisiatif penyatupaduan untuk mengekal, memperkukuh dan membina tapak integrasi bagi merapatkan hubungan muhibah dalam kalangan masyarakat Malaysia melalui Rukun Tetangga (JPNIN, 2021). Perpaduan secara umumnya ditakrifkan sebagai kesamaan dan kesatuan dalam membentuk identiti nasional seperti satu bangsa dan satu bahasa. ‘Perpaduan dalam Kepelbagaian’ merupakan konsep yang ditekankan oleh kerajaan kerana kepelbagaian wujud dalam kalangan masyarakat yang terdiri daripada pelbagai etnik, bahasa, agama dan budaya (Kementerian Perpaduan Negara, 2021).

Menurut Shamsul Amri (2012), kesepaduan sosial merupakan suatu fenomena sosial yang dipacu oleh idaman mendalam terhadap perpaduan yang dapat mempengaruhi masyarakat untuk melaksanakan pelbagai usaha bagi mencapai perpaduan. Proses yang panjang dan berterusan diperlukan untuk mewujudkan kesepaduan sosial yang dinikmati pada masa kini. Kewujudan kesepaduan sosial merupakan hasil daripada usaha kerajaan yang diterapkan kepada masyarakat melalui jalinan interaksi yang berlaku dalam kehidupan seharian masyarakat itu sendiri tanpa campur tangan dari kerajaan. Rukun Tetangga (RT) merupakan organisasi yang sangat penting bagi memupuk kesepaduan sosial dalam kalangan masyarakat pelbagai etnik terutama dalam golongan muda. Sekiranya semangat perpaduan terhakis, maka kestabilan negara juga turut terjejas kerana golongan muda masa kini merupakan pemimpin masa hadapan. Oleh itu, perpaduan dapat dicapai sekiranya semua anggota memainkan peranan dan bekerjasama dalam merealisasikan matlamat negara. Secara khususnya, kajian terhadap aktiviti di Kawasan Rukun Tetangga (KRT) untuk membina kesepaduan etnik dalam kalangan mahasiswa UPSI adalah sebuah kajian yang sangat berkait rapat dengan kesepaduan dalam kalangan generasi muda masa kini.

Batas Etnik

Sejarah telah membuktikan bahawa Malaysia berjaya membina hubungan baik antara etnik. Kelompok masyarakat yang dibentuk di negara ini telah diubah oleh kolonialisme Inggeris yang datang menjajah. Hubungan antara etnik yang dibentuk dipengaruhi oleh faktor kelas sosial dan kekayaan yang merangkumi perbezaan dari aspek bahasa, budaya, agama, ikatan kekeluargaan serta cara hidup yang berbeza (Mansor, 2012).

Hubungan antara kumpulan etnik dapat diwujudkan kerana setiap etnik sebenarnya memiliki kekuatan dan keunikan yang tersendiri dalam pelbagai aspek. Secara tidak langsung, batas antara etnik menjadi semakin menipis kerana mereka saling melengkapi dan bergantung antara satu sama lain. Walau bagaimanapun, dalam realiti kehidupan sebenar isu hubungan etnik dan pengelasan kumpulan masih wujud dalam masyarakat sehingga ke hari ini. Pengelasan bukanlah sesuatu yang terjadi secara paksa, tetapi hakikatnya masyarakat memiliki kekuatan untuk membuat pilihan sama ada menebalkan, menipiskan, atau melenyapkan batas-batas etnik ini dengan mengakui dan merayakan kekuatan kelompok masing-masing (Shamsul Amri, 2012).

Berdasarkan teori Barth (1969), kekaburan jurang dalam hubungan antara etnik terjadi kerana adanya sifat batas etnik yang nipis yang telah memberikan kebebasan secara berterusan kepada individu untuk beralih dari satu kelompok etnik ke kelompok etnik lain. Salah satu penanda yang menyerlahkan dimensi hubungan etnik yang tersirat ini adalah konsep kejiwaan. Konsep kejiwaan merupakan semangat kerjasama antara jiran iaitu perhubungan antara satu sama lain sebagai asas kepada pembentukan komuniti dalam Masyarakat (Wan Abdul Halim, 1982). Hakikatnya, hidup berjiran sudah menjadi lumrah dalam kehidupan bermasyarakat di negara ini. Melalui aktiviti sosial, mereka saling bekerjasama dan menjadi asas kepada pembentukan komuniti dalam masyarakat.

Batas etnik menjadi faktor utama dalam mempengaruhi hubungan antara etnik. Tahap ketebalan batas etnik merupakan salah satu faktor yang penting dalam membina negara yang harmoni. Semakin tebal batas etnik, maka makin sukar untuk melahirkan masyarakat yang bersatu padu dalam semua aspek. Oleh itu, pentingnya untuk semua kelompok masyarakat memahami dan mendalami isu ini dalam konteks hidup bermasyarakat bagi mengatasi sebarang konflik.

Kesepaduan Etnik

Kesepaduan dan hubungan antara etnik merupakan aspek penting dalam mewujudkan kehidupan yang harmoni dan aman. Kepelbagaian masyarakat yang berbilang etnik ini merupakan sesuatu yang unik dan indah kerana setiap etnik mengekalkan adat resam dan budaya etnik masing-masing. Oleh itu, adalah menjadi suatu kepentingan untuk mengurus masyarakat yang pelbagai dengan baik kerana ia memerlukan keazaman dan kesanggupan masyarakat untuk menerima perbezaan antara satu sama lain. Oleh itu, perpaduan dalam kalangan masyarakat yang berbeza adalah kunci kepada keharmonian masyarakat Malaysia (Mohd Syarifudin et al., 2022).

Hubungan etnik dapat dibentuk dalam pelbagai aspek kehidupan yang merangkumi politik, sosio-budaya dan hal ehwal pentadbiran (Hairol Anuar et al., 2020). Setiap aspek perlu diambil kira kerana perpaduan merupakan agenda utama dalam membentuk negara yang beridentitikan kepelbagaian agama, budaya dan etnik. Justeru itu, kesepaduan sosial digunakan untuk memahami hubungan etnik bagi mengatasi beberapa konflik antara kumpulan berbeza yang tidak begitu serius. Hal ini dapat dibuktikan melalui kewujudan kesepaduan sosial sejak sekian lama melalui interaksi antara kumpulan berbeza (Tan & Mohd Syarifudin, 2021). Hakikatnya, perpaduan yang diinginkan sebenarnya dapat direalisasikan dengan adanya usaha daripada pelbagai pihak.

Sebagai negara yang memiliki pelbagai etnik, pencapaian terhadap tahap kesepaduan sosial merupakan acuan utama kepada perpaduan yang berfokuskan perundingan, toleransi, dan persetujuan antara pelbagai kelompok etnik berbeza (Shamsul Amri, 2012). Perpaduan adalah salah satu agenda utama negara dan merupakan usaha berpanjangan yang melibatkan semua kelompok masyarakat. Oleh itu, semua kelompok etnik perlu bekerjasama untuk mencapai kesepaduan etnik supaya dapat menikmati aspek kehidupan yang seimbang dan sama rata seperti ekonomi, pendidikan, dan kesihatan.

Ringkasnya, kesepaduan etnik adalah penting dalam masyarakat berbilang etnik. Hal ini dapat membantu mengatasi konflik sosial dan mempromosikan keharmonian yang berterusan dalam kehidupan masyarakat. Secara tidak langsung, masyarakat dapat menjalani kehidupan bersama dengan aman, di samping menghormati setiap etnik untuk mencapai tujuan bersama.

Mahasiswa dan Kawasan Rukun Tetangga (KRT)

Mahasiswa bukan hanya berperanan menuntut ilmu tanpa bersosial dengan masyarakat luar. Hakikatnya, mahasiswa merupakan kelompok yang tidak asing kerana mempunyai peranan penting

dalam masyarakat. Menurut Habib (2019), empat peranan utama mahasiswa dalam masyarakat sebagai agen perubahan, kawalan sosial, pelapis generasi kini dan modal insan. Mahasiswa mampu membawa perubahan ke arah yang positif tanpa menghilangkan jati diri berlandaskan pengetahuan, taraf pendidikan dan tahap pemikiran mereka.

Penglibatan mahasiswa dalam masyarakat memberikan pelbagai kesan kepada perkembangan masyarakat. Hasil kajian yang dilaksanakan oleh Belkhodja (2013), yang melibatkan komuniti dan mahasiswa di sekitar Kanada mendapati bahawa mahasiswa yang mendiami kawasan luar kampus iaitu di kejiranan sekitar universiti memberikan kesan yang pelbagai kepada perkembangan masyarakat sekitar. Mahasiswa yang menetap di luar kampus mempunyai latar belakang yang berbeza. Oleh itu, secara tidak langsung wujud kesan silang budaya antara mahasiswa dan komuniti setempat. Masyarakat setempat dapat menerima baik budaya yang dibawa oleh mereka tanpa mengira perbezaan.

Selain daripada perkembangan masyarakat, permuafakatan dan semangat integrasi nasional adalah aspek yang wujud dengan hadirnya mahasiswa dalam kelompok masyarakat. Misalnya, program Jalinan Muhibbah antara penduduk Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Kampung Lembah Permai Kundasang dengan pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS) menjadi titik tolak dalam permuafakatan antara semua pihak (Jainudin, 2012). Program ini melibatkan semua lapisan masyarakat daripada pelbagai peringkat umur dan etnik. Melalui program seperti ini, secara tidak langsung mahasiswa sedar peranan penting mereka dalam masyarakat bagi memupuk perpaduan.

Penglibatan mahasiswa bersama masyarakat melalui aktiviti yang dianjurkan bersama mampu mewujudkan hubungan kerjasama dalam jangka masa panjang. Hubungan yang baik dapat menyelesaikan persengketaan dan konflik yang mungkin wujud antara kedua-dua pihak. Oleh itu, hubungan kerjasama memainkan peranan penting untuk membina masyarakat yang harmoni. Sebuah negara mampu berkembang luas melalui semangat kerjasama yang wujud dalam semua pihak. Semangat kerjasama ini hanya akan muncul sekiranya setiap anggota masyarakat saling mengasihi dan sanggup berjuang dan sentiasa bersedia berkorban demi menjaga kepentingan bersama (Ibnu Khaldun, 1993).

PERMASALAHAN KAJIAN

Institusi seperti KRT sebenarnya mempunyai potensi besar untuk menyemai semangat kesepaduan antara etnik di Malaysia, memandangkan KRT merupakan institusi yang dekat dengan masyarakat. Menurut rekod sehingga November tahun 2022, terdapat sebanyak 8352 unit KRT telah diwujudkan di seluruh Malaysia (JPNIN, 2021). Jumlah KRT yang banyak telah diwujudkan untuk memperkasakan lagi peranan JPNIN dalam mengukuhkan perpaduan.

Namun begitu, masih terdapat isu yang timbul berkaitan dengan KRT sejak kebelakangan ini. Antaranya termasuklah KRT yang berdaftar dengan JPNIN namun tidak aktif memainkan peranan di kawasan masing-masing (Mohd Rafie, 2022). KRT perlu sentiasa aktif menjalankan peranannya dalam menganjurkan program-program yang boleh menerapkan kesepaduan etnik. Sekiranya KRT tidak bergiat aktif dalam melaksanakan tanggungjawabnya, keharmonian masyarakat setempat akan terjejas dan hubungan antara etnik akan semakin renggang kerana tiada institusi yang dapat menyatupadukan semua etnik.

Justeru, sebagai institusi yang diberikan tanggungjawab sebagai agen perpaduan, KRT perlu memainkan peranannya dalam memastikan perpaduan masyarakat pelbagai etnik di Malaysia dapat dibentuk melalui program dan peruntukan yang diberikan. Walaupun bilangan jumlah unit KRT semakin bertambah dari tahun ke tahun tetapi pemahaman dan penghayatan masyarakat terhadap peranan KRT masih berada pada tahap yang rendah. Hal ini menyebabkan kewujudan KRT yang kurang aktif dan akhirnya ditutup. Pelaksanaan aktiviti KRT tidak akan berjaya sekiranya pemimpin yang menguruskan organisasi tersebut tidak aktif. Menurut Hamidah (2014), KRT yang kurang aktif sering dikaitkan dengan pengerusi yang gagal memainkan peranan mereka sebagai pemimpin untuk mengendalikan KRT tersebut. Pengerusi KRT seharusnya memahami dan mendalami tanggungjawab sebagai seorang pemimpin supaya matlamat untuk menyatupadukan masyarakat boleh direalisasikan.

Selain itu, kurangnya penglibatan golongan muda dalam KRT juga merupakan punca KRT tidak aktif (Muhammad Zulsyaini, 2023). Ini kerana KRT sinonim dengan warga emas yang telah

berpencen berbanding dengan golongan muda. Punca golongan muda tidak bergiat aktif dalam KRT perlu dikaji supaya legasi institusi ini diteruskan oleh generasi yang seterusnya dalam menerajui pengurusan KRT. Penstrukturan semula KRT perlu dilaksanakan agar lebih relevan dan aktif untuk meningkatkan penglibatan generasi muda (Noor Hayati, 2023).

Kesepaduan etnik, generasi muda dan mahasiswa amat berkait antara satu sama lain. Mahasiswa merupakan golongan muda yang sentiasa bersikap profesional dalam menangani isu nasional dan memiliki kebijaksanaan dalam penyampaian idea yang realistik, menjadikan mereka lebih dekat dengan masyarakat. Penguasaan ilmu dalam pelbagai bidang adalah asas kepada pembangunan masyarakat (Zamri, 2020). Justeru, kajian tentang penglibatan mahasiswa UPSI dalam KRT di tempat tinggal masing-masing adalah penting dalam membina kesepaduan etnik. Ini kerana keaktifan mahasiswa dalam KRT di tempat tinggal mereka sedikit sebanyak menjadi nilai tambah kepada pembinaan kesepaduan etnik dalam kalangan mahasiswa itu sendiri.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif umum kajian ini ialah untuk mengenal pasti partisipasi mahasiswa UPSI dalam aktiviti yang diadakan di KRT tempat kediaman mereka sendiri dalam membina kesepaduan etnik. Secara khusus, kajian yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk:

1. Mengetahui faktor-faktor yang mendorong KRT sebagai medium kesepaduan mahasiswa pelbagai etnik.
2. Meneliti tahap keberkesanan KRT sebagai medium kesepaduan mahasiswa pelbagai etnik.
3. Menilai tahap penglibatan mahasiswa pelbagai etnik dalam aktiviti yang diadakan di KRT.

METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian yang digunakan ialah kaedah kuantitatif melalui teknik pengumpulan data dengan instrumen borang soal selidik. Menurut Chua (2006) mendefinisikan kaedah kuantitatif dikaitkan dengan data numerika dan ketepatan berdasarkan penyelidikan yang menggunakan kajian eksperimental dan data numerika untuk dianalisis dengan ujian statistik. Kaedah kuantitatif ini dipilih kerana kaedah ini dapat menjimatkan masa, kos dan tenaga. Data kajian ini dianalisis secara deskriptif menggunakan statistik asas seperti min, sisihan piawai, peratusan, frekuensi dan taburan skor (Rozmi, 2017). Data yang dikumpulkan dianalisis menggunakan *Statistical Package for Social Science Version 23.0* (SPSS 23.0).

Populasi dan Sampel Kajian

Dalam kajian ini, saiz sampel ditentukan berdasarkan Jadual Krejcie & Morgan (1970). Oleh itu, seramai 210 orang mahasiswa UPSI daripada pelbagai latar belakang etnik telah dipilih menjadi responden kajian. Sasaran kajian ini ialah mahasiswa UPSI yang terdiri daripada semester 1 hingga semester 3 yang mengambil pelbagai aliran. Responden kajian perlu menjawab soal selidik yang telah diedarkan dalam bentuk *google form*. Jadual 1 menunjukkan bilangan responden kajian berdasarkan etnik yang terlibat dalam kajian ini.

Jadual 1: Responden Kajian Mengikut Etnik

Etnik	Kekerapan (n=210)	Peratus (%)
Melayu	146	77.25
Cina	3	1.59
India	4	2.12
Bumiputera Sabah	23	12.17
Bumiputera Sarawak	13	6.88
Jumlah	210	100

Sumber: Data Kajian Lapangan (2023)

Instrumen Kajian

Kajian yang dijalankan ini menggunakan kaedah tinjauan dengan mengedarkan borang soal selidik kepada mahasiswa UPSI. Set soal selidik ini dibahagikan kepada empat bahagian yang terdiri daripada 80 item, Bahagian A mengandungi latar belakang responden. Bahagian B berkenaan dengan batas etnik yang terdiri daripada 10 item dengan menggunakan 5 kategori pemeringkatan skala Likert. Setiap peringkat diletakkan nilai skor iaitu (1) sangat tidak setuju, (2) tidak setuju, (3) tidak pasti, (4) setuju dan (5) sangat setuju. Bahagian C berkaitan dengan aktiviti KRT yang disertai oleh mahasiswa UPSI yang mengandungi 42 item dengan skala Likert lima mata. Bahagian D pula berhubungan dengan tahap kesepaduan sosial dalam kalangan mahasiswa UPSI mengandungi 24 item. Penggunaan skala likert dapat memberikan nilai kebolehppercayaan yang tinggi dan peluang kepada responden membuat pilihan yang tepat terhadap keputusan yang diperoleh.

DAPATAN KAJIAN

Bahagian A: Latar Belakang Responden Kajian

Responden kajian yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada 210 orang mahasiswa UPSI. Profil responden adalah seperti dalam Jadual 2.

Jadual 2: Profil Taburan Responden

Item	Perincian Item	Kekerapan	Peratusan (%)
Jantina	Lelaki	33	15.7
	Perempuan	177	84.3
Etnik	Melayu	146	69.5
	Cina	3	1.4
	India	4	1.9
	Bumiputera Sabah	38	18.1
	Bumiputera Sarawak	19	9.0
	Islam	174	82.9
Agama	Buddha	3	1.4
	Hindu	2	1.0
	Kristian	31	14.8
Fakulti	Bahasa dan Komunikasi	90	42.9
	Pembangunan Manusia	13	6.2

Sains & Matematik	61	29.0
Sains Kemanusiaan	21	10.0
Sains Sukan & Kejurulatihan	14	6.7
Teknikal & Vokasional	8	3.8
Pengurusan & Ekonomi	3	1.4

Sumber: Data Kajian Lapangan (2023)

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap penglibatan mahasiswa UPSI yang terdiri daripada pelbagai etnik dalam aktiviti yang diadakan di KRT di tempat tinggal mereka. Berdasarkan analisis deskriptif taburan responden yang dijalankan, responden kajian terdiri daripada 33 orang (15.7%) mahasiswa lelaki dan 177 orang (84.3%) mahasiswa perempuan. Dapatan menunjukkan bilangan mahasiswa perempuan melebihi bilangan mahasiswa lelaki. Analisis yang dijalankan juga mendapati bilangan mahasiswa berbangsa Melayu yang terlibat dalam kajian ini ialah seramai 146 orang (69.2%), mahasiswa berbangsa Cina hanya 3 orang (1.4%), mahasiswa India pula adalah seramai 4 orang (1.9%), mahasiswa Bumiputera Sabah terdiri daripada 38 orang (18.1%) dan mahasiswa Bumiputera Sarawak adalah seramai 19 orang (9.0%). Dari segi agama pula, terdapat 174 orang (82.9%) mahasiswa yang beragama Islam. Terdapat 3 orang (1.4%) mahasiswa yang terlibat dalam kajian in beragama Buddha. Bagi agama Hindu, terdapat seramai 2 orang (1.0%) mahasiswa menganuti agama tersebut dan selebihnya iaitu 31 orang (42.9%) terdiri daripada mahasiswa yang beragama Kristian. Bagi analisis berkaitan fakulti pula, didapati bahawa seramai 90 orang (42.9%) mahasiswa daripada fakulti Bahasa dan Komunikasi, 13 orang (6.2%) mahasiswa dari fakulti Pembangunan Manusia, 61 orang (29.0%) terdiri daripada mahasiswa dari fakulti Sains & Matematik, 21 orang (10.0%) mahasiswa daripada fakulti Sains Kemanusiaan, 14 orang (6.7%) mahasiswa dari fakulti Sains Sukan & Kejurulatihan, 8 orang (3.8%) terdiri daripada mahasiswa dari fakulti Teknikal & Vokasional dan 3 orang (1.4%) terdiri daripada mahasiswa dari fakulti Pengurusan & Ekonomi yang terlibat sebagai responden dalam kajian ini.

Data yang dikumpul dianalisis secara statistik deskriptif (kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai). Interpretasi statistik deskriptif adalah seperti dalam Jadual 3 di bawah:

Jadual 3: Tafsiran skala min

Skala Min	Tahap
1.0-1.80	Sangat Rendah (SR)
1.81-2.60	Rendah (R)
2.61-3.40	Sederhana (S)
3.41-4.20	Tinggi (T)
4.21-5.00	Sangat Tinggi (ST)

Sumber: Kementerian Pelajaran Malaysia (1998).

Bahagian B: Tahap Persetujuan Mahasiswa UPSI Terhadap Batas Etnik

Jadual 4 menunjukkan skor min bagi batas etnik mahasiswa UPSI. Berdasarkan jadual 4, min bagi skor tertinggi adalah pada item ke-2, iaitu “Saya menghormati amalan kepercayaan etnik lain” dengan min 4.80 dan sisihan piawai 0.446. Bagi min yang terendah adalah pada item ke-5, iaitu “Saya percaya bahawa pertumbuhan ekonomi bagi semua etnik diagihkan dengan adil dan saksama” dengan min sebanyak 3.98 dan sisihan piawai 0.990.

Jadual 4: Batas etnik

Bil.	Item	Min	Sisihan Piawai	Tahap
1	Saya mudah untuk bergaul dengan semua etnik.	4.45	0.678	Sangat Tinggi
2	Saya menghormati amalan kepercayaan etnik lain.	4.80	0.446	Sangat Tinggi
3	Saya menghadiri majlis seperti majlis perkahwinan, hari jadi dan rumah terbuka yang dianjurkan oleh etnik lain.	4.05	0.989	Tinggi
4	Saya boleh berkomunikasi dengan etnik yang lain tanpa sebarang masalah.	4.34	0.736	Sangat Tinggi
5	Saya percaya bahawa pertumbuhan ekonomi bagi semua etnik diagihkan dengan adil dan saksama.	3.98	0.990	Tinggi
6	Saya mudah untuk mendapatkan kata sepakat dari semua etnik dalam memperoleh sesuatu persetujuan.	4.16	0.841	Tinggi
7	Saya percaya bahawa perlunya ada keseimbangan etnik dalam aktiviti sukan seperti bola sepak dan badminton.	4.66	0.675	Sangat Tinggi
8	Dalam perbincangan yang melibatkan pelbagai etnik, saya masih mampu untuk memberikan idea yang bernas.	4.34	0.716	Sangat Tinggi
9	Saya berminat untuk menyertai pelbagai aktiviti yang melibatkan pelbagai etnik.	4.58	0.654	Sangat Tinggi
10	Saya gembira dan teruja apabila sambutan perayaan etnik lain diadakan di kawasan kejiranan saya.	4.54	0.678	Sangat Tinggi
Min Keseluruhan		4.39	0.74	Sangat Tinggi

Sumber: Data Kajian Lapangan (2023)

Kesimpulannya, tahap persetujuan mahasiswa UPSI terhadap batas etnik adalah pada tahap yang sangat tinggi. Mahasiswa mempunyai pemahaman dan pengetahuan terhadap batas etnik yang tinggi kerana mereka mendapat pendedahan mengenai batas etnik melalui subjek yang ditawarkan oleh pihak universiti iaitu Hubungan Etnik yang merupakan subjek umum wajib yang perlu diambil oleh semua mahasiswa.

Bahagian C: Tahap Keaktifan Mahasiswa UPSI dalam Aktiviti yang Dianjurkan oleh KRT

Jadual 5 menunjukkan tahap keaktifan mahasiswa UPSI dalam aktiviti yang dianjurkan oleh KRT. Berdasarkan jadual ini, dapatan menunjukkan item 10, iaitu “Saya melibatkan diri dalam aktiviti kesenian dan kebudayaan seperti kelas tarian.” mencatatkan tahap skor min yang terendah iaitu 2.93 dan sisihan piawai 1.216. Item ke-5, iaitu “Saya mengambil bahagian dalam SRS di RT saya bagi memastikan keselamatan kawasan setempat terjamin” mencatatkan tahap min kedua terendah iaitu 3.15 dan sisihan piawai 1.055, manakala item ke-11, iaitu “Saya menyertai sambutan hari kemerdekaan yang diadakan pada setiap tahun di RT saya” menunjukkan bahawa tahap min tertinggi, iaitu 3.97 dan sisihan piawai 0.922.

Jadual 5: Aktiviti yang dianjurkan oleh KRT

Bil.	Item	Min	Sisihan Piawai	Tahap
1	Saya sering melibatkan diri dalam aktiviti sosial yang diadakan di KRT saya seperti sambutan perayaan.	3.55	0.923	Tinggi
2	Saya bergiat aktif dalam aktiviti kesukanan yang dianjurkan di RT bagi meningkatkan produktiviti.	3.66	0.925	Tinggi
3	Saya menghadiri ceramah kesihatan dan kempen kebersihan bagi memupuk nilai Cintakan Alam.	3.81	0.927	Tinggi
4	Saya menyertai aktiviti rekreasi yang diadakan di hujung minggu seperti bersenam, berkelah dan bersiar siar.	3.83	0.951	Tinggi
5	Saya mengambil bahagian dalam SRS di RT saya bagi memastikan keselamatan kawasan setempat terjamin.	3.15	1.055	Sederhana
6	Saya melibatkan diri dalam RT untuk menghulurkan bantuan kepada penduduk setempat yang memerlukan.	3.63	0.970	Tinggi
7	Saya menyertai aktiviti keagamaan seperti ceramah agama yang dianjurkan di RT kawasan saya.	3.87	0.929	Tinggi
8	Saya menghadiri program berunsurkan pendidikan seperti kelas tambahan dan ceramah pendidikan.	3.92	0.958	Tinggi
9	Saya bergiat aktif dalam menjalankan aktiviti ekonomi yang melibatkan pelbagai etnik di RT.	3.42	1.019	Tinggi
10	Saya melibatkan diri dalam aktiviti kesenian dan kebudayaan seperti kelas tarian.	2.93	1.216	Sederhana
11	Saya menyertai sambutan hari kemerdekaan yang diadakan pada setiap tahun di RT saya.	3.97	0.922	Tinggi
12	Saya mengambil bahagian dalam aktiviti di RT yang menggalakkan perpaduan masyarakat setempat.	3.79	1.024	Tinggi
Min Keseluruhan		3.63	0.99	Tinggi

Sumber: Data Kajian Lapangan (2023)

Kesimpulannya, tahap keaktifan mahasiswa UPSI terhadap aktiviti yang dianjurkan oleh KRT berada pada tahap tinggi. Pelbagai jenis aktiviti telah dianjurkan oleh KRT di kediaman masing masing telah dapat menarik minat golongan muda untuk menyertainya. Aktiviti yang dianjurkan menekankan aspek pendidikan, kesihatan, keagamaan, keselamatan kebudayaan yang melibatkan semua lapisan masyarakat tanpa mengira perbezaan latar belakang.

Tahap Persetujuan Mahasiswa UPSI dalam Aktiviti yang Dianjurkan oleh KRT

Jadual 6 menunjukkan tahap persetujuan mahasiswa UPSI dalam aktiviti yang dianjurkan oleh KRT. Berdasarkan jadual ini, dapatan menunjukkan item 29, iaitu “Saya percaya bahawa pemimpin yang baik mestilah mengamalkan nilai-nilai agama yang tinggi” mencatatkan tahap skor min yang paling tinggi iaitu 4.50 dan sisihan piawai 0.693. Item yang seterusnya merupakan item ke-30, iaitu “Dalam menguruskan organisasi, saya percaya pemimpin perlu mempunyai latar belakang menguruskan organisasi” mencatatkan tahap min kedua tertinggi iaitu 4.47 dan sisihan piawai 0.713, manakala item ke-12, iaitu “Saya sering menyertai kursus perusahaan kecil-kecilan yang diadakan di RT saya” menunjukkan tahap min terendah, iaitu 3.38 dan sisihan piawai 1.110.

Jadual 6: Aktiviti yang dianjurkan oleh KRT

Bil.	Item	Min	Sisihan Piawai	Tahap
1	Saya menyertai aktiviti sosial seperti sambutan perayaan dan kunjung mengunjung yang diadakan di KRT saya.	4.05	0.887	Tinggi
2	Saya melibatkan diri dalam program kesukanan yang dianjurkan di kawasan kejiranan saya.	3.92	0.906	Tinggi
3	RT di kawasan saya berperanan dalam memupuk perpaduan dan keharmonian etnik.	4.17	0.828	Tinggi
4	Saya berpeluang untuk bertemu dengan masyarakat pelbagai etnik semasa menyertai pelbagai aktiviti.	4.21	0.815	Sangat Tinggi
5	Aktiviti kejiiranan di kawasan saya seperti gotong royong melibatkan semua etnik.	4.15	0.921	Tinggi
6	Tabika perpaduan yang diwujudkan di kawasan RT saya memainkan peranan yang penting kepada kanak-kanak.	4.31	0.834	Sangat Tinggi
7	Saya menyertai kursus dan ceramah berkaitan pendidikan yang dianjurkan oleh RT.	3.82	0.956	Tinggi
8	Saya melibatkan diri dalam pendidikan tidak formal dianjurkan oleh komuniti saya.	3.73	0.967	Tinggi
9	Saya menyertai program sambil belajar yang dianjurkan oleh RT di kawasan saya yang melibatkan semua etnik.	3.71	1.028	Tinggi
10	RT di kawasan saya mementingkan pendidikan bagi semua lapisan masyarakat pelbagai etnik.	4.14	0.869	Tinggi
11	Aktiviti RT mendedahkan konsep penjana ekonomi terutamanya bagi golongan B40 di RT saya.	3.95	0.984	Tinggi
12	Saya sering menyertai kursus perusahaan kecil-kecilan yang diadakan di RT saya.	3.38	1.110	Sederhana
13	Aktiviti RT sangat membantu dalam meningkatkan taraf hidup masyarakat setempat tanpa mengira etnik.	4.01	0.933	Tinggi
14	Saya mendapat manfaat kewangan melalui program ekonomi yang dijalankan oleh RT kawasan saya.	3.61	1.025	Tinggi
15	Program RT dalam ekonomi merapatkan hubungan saya dengan etnik lain.	4.15	0.882	Tinggi
16	Saya mendapati persekitaran tempat tinggal saya bersih dari sampah.	4.15	0.865	Tinggi
17	Kawasan kejiranan saya sentiasa dalam keadaan yang selesa.	4.20	0.905	Tinggi
18	Komuniti di tempat saya menjaga alam sekitar dengan baik.	4.14	0.905	Tinggi
19	Saya yakin dengan tahap kebersihan di tempat tinggal saya sentiasa dalam keadaan baik.	4.24	0.830	Sangat Tinggi
20	Saya mempunyai peluang untuk menyertai aktiviti sosial dalam komuniti saya.	4.05	0.901	Tinggi

21	Saya berpendapat bahawa RT berjaya membendung jenayah yang berlaku di kawasan kejrangan saya.	4.11	0.867	Tinggi
22	Saya menyertai ceramah keselamatan yang dianjurkan oleh RT di kawasan saya.	3.61	1.049	Tinggi
23	SRS berupaya menjadikan kawasan RT saya berada dalam keadaan aman dan selamat.	4.07	0.875	Tinggi
24	SRS berjaya mengeratkan hubungan sillaturrahim sesama ahli yang terdiri daripada pelbagai etnik.	4.10	0.869	Tinggi
25	Semua masyarakat di kawasan RT sentiasa berkerjasama membendung gejala sosial yang berlaku dalam komuniti.	4.12	0.821	Tinggi
26	Saya percaya jawatkuasa yang wujud dalam RT saya dapat melahirkan pemimpin yang berkualiti.	4.14	0.872	Tinggi
27	Bagi saya kepimpinan RT boleh terdiri daripada penjawat jawatan bukan professional dalam masyarakat.	4.08	0.868	Tinggi
28	Saya berpendapat bahawa semua etnik berpeluang untuk memegang jawatan dalam RT.	4.34	0.773	Sangat Tinggi
29	Saya percaya bahawa pemimpin yang baik mestilah mengamalkan nilai-nilai agama yang tinggi.	4.50	0.693	Sangat Tinggi
30	Dalam menguruskan organisasi, saya percaya pemimpin perlu mempunyai latar belakang menguruskan organisasi.	4.47	0.713	Sangat Tinggi
Min Keseluruhan		4.05	0.89	Tinggi

Sumber: Data Kajian Lapangan (2023)

Kesimpulannya, tahap persetujuan mahasiswa UPSI terhadap aktiviti yang dianjurkan oleh KRT adalah pada tahap tinggi. Mahasiswa mempunyai kesedaran bahawa setiap aktiviti yang dianjurkan oleh KRT memiliki matlamat dan memberi manfaat kepada individu yang menyertainya. Ini kerana setiap aktiviti yang dianjurkan mengambil kira semua segi terutama manfaatnya kepada komuniti setempat. Sekiranya aktiviti tersebut tidak mendatangkan sebarang kesan positif kepada kesepaduan, maka ianya perlu dikaji semula mengikut keperluan semasa.

Bahagian D: Tahap Persetujuan Kesepaduan Etnik dalam Kalangan Mahasiswa UPSI

Jadual 7 menunjukkan tahap persetujuan kesepaduan etnik dalam kalangan mahasiswa UPSI Berdasarkan jadual ini, dapatan menunjukkan item ke-4, iaitu “Saya hanya akan mengundang rakan dari etnik saya sahaja jika ada keraian” mencatatkan tahap skor min yang paling rendah iaitu 2.39 dan sisihan piawai 1.331 manakala, item ke-6, iaitu “Keterbukaan sektor perkhidmatan menguntungkan satu etnik sahaja” mencatatkan tahap min kedua terendah iaitu 2.47 dan sisihan piawai 1.363. Item terakhir merupakan item ke-24, iaitu “Kerjasama semua etnik diperlukan bagi mencapai negara maju” menunjukkan bahawa tahap min tertinggi, iaitu 4.61 dan sisihan piawai 0.647.

Jadual 7: Kesepaduan Etnik dalam Kalangan Mahasiswa UPSI yang Menyertai Aktiviti KRT.

Bil.	Item	Min	Sisihan Piawai	Tahap
1	Saya merasa sedih jika jiran dari etnik lain meninggal dunia.	4.31	0.702	Sangat Tinggi
2	Saya akan membantu jiran dari etnik lain yang ditimpa kesusahan.	4.46	0.642	Sangat Tinggi
3	Saya merasa selesa tinggal di kawasan komuniti multietnik.	4.31	0.708	Sangat Tinggi

4	Saya hanya akan mengundang rakan dari etnik saya sahaja jika ada keraian.	2.50	1.401	Rendah
5	Peluang pekerjaan di jabatan kerajaan terbuka kepada seluruh etnik di negara ini.	4.18	0.931	Tinggi
6	Keterbukaan sektor perkhidmatan menguntungkan satu etnik sahaja.	2.54	1.401	Rendah
7	Keterbukaan sektor pendidikan menguntungkan setiap etnik di negara ini.	4.28	0.907	Sangat Tinggi
8	Sistem meritokrasi dalam pendidikan memberi kebaikan kepada semua etnik.	4.14	0.818	Tinggi
9	Saya merasa bebas sewaktu mengundi pemimpin dan parti politik yang saya sukai.	4.41	0.760	Sangat Tinggi
10	Saya merasa bebas berbincang hal politik dengan rakan sepejabat.	3.56	1.132	Tinggi
11	Saya bebas menyertai aktiviti persatuan dan badan kebajikan yang saya sukai.	4.33	0.779	Sangat Tinggi
12	Parti yang berasaskan etnik sentiasa mempedulikan kebajikan etnik lain.	3.82	1.096	Tinggi
13	Saya perakui wujudnya undang-undang berkaitan agama yang berbeza di Malaysia.	4.12	0.948	Tinggi
14	Saya berbangga rakyat Malaysia terdiri dari pelbagai agama, bahasa, budaya dan etnik.	4.61	0.705	Sangat Tinggi
15	Saya amat bangga berada dalam majlis sambutan perayaan etnik lain (Hari Raya/Deepavali/Tahun Baru Cina/Hari Gawai dll.)	4.50	0.707	Sangat Tinggi
16	Semua masyarakat wajib untuk menghormati hak-hak penganut agama masing masing.	4.66	0.668	Sangat Tinggi
17	SUHAKAM bebas mengkritik kerajaan jika hak asasi rakyat dicabuli.	4.25	0.867	Sangat Tinggi
18	Badan Bukan Kerajaan (NGO) di Malaysia perlu diberi layanan yang adil oleh kerajaan.	4.39	0.776	Sangat Tinggi
19	Banyak berita-berita kepincangan tadbir urus kerajaan saya perolehi dari media arus perdana (RTM1, TV3, TV9, NTV7 dll).	4.27	0.874	Sangat Tinggi
20	Kenaikan kos sara hidup disebabkan kegagalan parti memerintah.	4.02	0.920	Tinggi
21	Jurang kemiskinan di antara etnik masih ketara.	4.23	0.792	Sangat Tinggi
22	Subsidi kerajaan dinikmati oleh rakyat Malaysia tanpa mengira etnik.	4.19	0.919	Tinggi
23	Dasar-dasar pembangunan kerajaan hanya menguntungkan satu etnik sahaja.	3.00	1.325	Sederhana
24	Kerjasama semua etnik diperlukan bagi mencapai negara maju	4.60	0.687	Sangat Tinggi
Min Keseluruhan		4.07	0.89	Tinggi

Sumber: Data Kajian Lapangan (2023)

Kesimpulannya, kesepaduan etnik dalam kalangan mahasiswa UPSI berada pada tahap yang tinggi. Kesepaduan etnik ini perlu dipupuk dan dibentuk supaya keharmonian dan kesejahteraan masyarakat terjamin. Kegagalan untuk mencapai perpaduan akan menyebabkan institusi negara terjejas kerana perpaduan merupakan tunjang utama dalam negara berbilang etnik.

Hasil Dapatan Keseluruhan

Berdasarkan pada tafsiran skala min di jadual 3, min keseluruhan bagi semua bahagian adalah pada tahap yang tinggi kecuali bahagian B iaitu 4.39 berada pada tahap sangat tinggi. Bahagian B adalah untuk mengenal pasti tahap persetujuan mahasiswa UPSI terhadap batas etnik. Bagi bahagian C iaitu, menunjukkan tahap keaktifan mahasiswa UPSI dalam aktiviti yang dianjurkan oleh KRT, min keseluruhan adalah 3.63. Min keseluruhan bagi tahap persetujuan mahasiswa UPSI dalam aktiviti yang dianjurkan oleh KRT adalah 4.05 dan bagi bahagian D iaitu kesepaduan etnik dalam kalangan mahasiswa UPSI adalah 4.07 dan berada pada tahap yang tinggi.

PERBINCANGAN

Kesepaduan etnik merupakan isu yang kekal relevan hingga kini. Ini kerana jika kesepaduan tidak wujud maka keharmonian negara akan terjejas. Matlamat ini boleh dicapai dengan adanya agen kesepaduan iaitu KRT. KRT ditubuhkan bagi menjamin keselamatan penduduk setempat pada awalnya dan berubah peranannya mengikut kepentingan dan peredaran masa. Peranan KRT pada masa kini ialah sebagai model Transformasi Rukun Tetangga dengan pelaksanaan program dan aktiviti berlandaskan lima teras iaitu perpaduan, ekonomi, keselamatan, pendidikan dan kualiti hidup (JPNIN, 2021). Oleh itu, kajian terhadap aktiviti di Kawasan Rukun Tetangga (KRT) untuk membina kesepaduan etnik dalam kalangan mahasiswa adalah penting untuk dikaji.

Hasil kajian menunjukkan bahawa skor min bagi ketiga-tiga tahap iaitu tahap keaktifan mahasiswa UPSI dalam aktiviti yang dianjurkan oleh KRT, tahap persetujuan mahasiswa UPSI dalam aktiviti yang dianjurkan oleh KRT dan tahap kesepaduan etnik dalam kalangan mahasiswa UPSI berada pada tahap yang tinggi. Bagi tahap persetujuan mahasiswa UPSI terhadap batas etnik adalah sangat tinggi. Ini menunjukkan bahawa pengetahuan dan penglibatan mahasiswa dalam memupuk kesepaduan etnik masih kuat dan kukuh.

Bagi tahap persetujuan mahasiswa UPSI terhadap batas etnik menunjukkan keadaan yang sangat tinggi kerana batas etnik dalam kalangan mahasiswa adalah nipis. Ini kerana menurut Mansor (2012), tahap atau darjah etnik seseorang individu itu akan menentukan tingkah lakunya sama ada ia dipengaruhi oleh perkiraan etnik atau tidak. Individu yang tebal batas etniknya akan mengutamakan perkiraan etnik di dalam tingkah laku. Manakala individu yang nipis atau pupus batas etniknya boleh menjalin hubungan dengan kelompok lain berdasarkan silang kumpulan dan menikmati kehidupan dengan lebih harmoni. Manakala, jika batas etnik itu tebal, individu hanya akan menjalinkan hubungan dengan kelompok berdasarkan etnik sendiri sahaja hingga menyebabkan masyarakat terpisah dan berada dalam kelompok masing-masing tanpa terikat dengan nilai yang dikongsi bersama.

Bagi tahap keaktifan mahasiswa UPSI dalam aktiviti yang dianjurkan oleh KRT, ia berada pada tahap yang tinggi. Penglibatan golongan muda dalam aktiviti KRT amat penting kerana mereka akan menjadi penggerak utama dalam kesepaduan pada masa akan datang. Pelbagai aktiviti telah dianjurkan seperti ekonomi, sosial dan kepimpinan untuk menarik penyertaan golongan muda seperti Sambutan Hari Kemerdekaan, Rumah Terbuka sempena Hari Raya dan Sambutan Tahun Baru Cina yang diadakan pada setiap tahun. Kekurangan penglibatan golongan muda akan menyebabkan KRT menjadi tidak aktif. Dapatan kajian pengkaji diperkuatkan lagi dengan kajian Sarjit et al., (2021) yang mendapati bahawa tanpa penglibatan golongan muda dan Wanita, maka aktiviti KRT akan mengalami masalah dan menghalang proses pendayaupayaan. Selain itu, menurut Noor Hayati (2023), kurangnya penglibatan golongan muda dalam KRT merupakan punca KRT tidak aktif. Oleh itu, KRT perlu lebih aktif merangka aktiviti yang boleh menarik minat lebih ramai lagi generasi muda.

Dalam konteks persetujuan mahasiswa UPSI terhadap aktiviti yang dianjurkan oleh KRT menunjukkan tahap yang tinggi. Mahasiswa mempunyai kesedaran tinggi terhadap kepentingan aktiviti bersama yang dianjurkan oleh KRT. Pelbagai manfaat dapat diperolehi semua lapisan masyarakat pelbagai etnik yang menyertainya. Menurut kajian Mohd Syarifudin et al., (2020), aktiviti bersama merupakan antara komponen dalam membina kesepaduan sosial dalam kalangan penduduk di komuniti kejiranan pelbagai etnik seperti gotong royong, kenduri kendera dan aktiviti bersukan. Melalui aktiviti

tersebut, kesepaduan etnik penduduk setempat dapat dibentuk di samping kebersihan kawasan kediaman dapat dijaga dengan baik.

Daripada dapatan yang diperolehi, tahap kesepaduan etnik dalam kalangan mahasiswa UPSI adalah pada tahap yang tinggi. Jika tahap kesepaduan ini dapat dikawal dengan berhemah dan berada di landasan yang betul, semangat perpaduan etnik antara mahasiswa akan menjadi semakin kuat dan kukuh. Dapatan kajian ini diperkukuhkan dengan kajian oleh Tan dan Mohd Syarieudin (2021) yang menunjukkan pola kesepaduan sosial yang wujud dalam kalangan pelajar adalah kukuh. Kesepaduan sosial yang kuat wujud dalam dimensi kekitaan, keterangkuman, pengiktirafan dan kesaksamaan. Ini kerana kesepaduan sosial yang terbina menunjukkan majoriti responden mendapat peluang pekerjaan, bantuan kewangan dan kebajikan dalam menangani kos sara hidup serta pendidikan tanpa melihat perbezaan etnik.

Dari sudut yang lain, terdapat kajian yang dilakukan oleh Khairul Ghufuran et al., (2018) yang menjadikan mahasiswa sebagai subjek kajian. Kajian ini menyelidiki mahasiswa dari sudut mata pelajaran Sejarah di sekolah sebagai medium perpaduan. Walaupun kajian tersebut tiada kaitan mengenai KRT, namun secara perbandingannya, terdapat sedikit persamaan iaitu untuk mengenal pasti tahap kesepaduan mahasiswa yang dapat dipupuk melalui medium perpaduan.

Kesimpulannya, aktiviti yang dianjurkan oleh KRT dapat memberikan kesan positif kepada mahasiswa dalam memperkukuhkan kesepaduan etnik. Kesedaran mahasiswa terhadap kepentingan penyertaan dan keaktifan dalam aktiviti KRT ini mampu menyumbang kepada kesejahteraan serta keharmonian di kawasan komuniti setempat.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati bahawa aktiviti KRT merupakan medium yang paling sesuai dalam membentuk kesepaduan etnik dalam kalangan mahasiswa. Kajian juga mendapati bahawa aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh KRT meliputi semua aspek kehidupan iaitu ekonomi, sosial, politik dan pendidikan. Hal ini telah menjadikan aktiviti KRT sebagai faktor utama untuk menggalakkan mahasiswa pelbagai etnik membentuk kesepaduan dalam diri masing-masing. Mahasiswa mengambil bahagian dalam setiap aktiviti KRT yang melibatkan semua lapisan masyarakat dan penglibatan pelbagai etnik. Oleh itu, kajian ini telah mengenal pasti bahawa KRT merupakan sebuah medium yang sangat sesuai dalam membentuk kesepaduan dalam kalangan mahasiswa pelbagai etnik.

Sebagai implikasinya, dari sudut yang lain mendapati bahawa aktiviti KRT mampu menjadi agen kepada kesepaduan etnik dalam kalangan mahasiswa. Peranan utama KRT adalah untuk menjadikan semua warganegara menjadi masyarakat yang bersatu padu, bekerjasama dan harmoni di bawah satu bumbung yang sama. Hal ini dapat direalisasikan dengan pelbagai aktiviti yang dianjurkan oleh KRT yang melibatkan pelbagai etnik dan semua lapisan masyarakat terutama golongan muda. Aktiviti tersebut terdiri daripada pelbagai aspek kehidupan seperti pendidikan, ekonomi, sosial dan politik.

Mahasiswa merupakan modal insan kepada masyarakat bagi memastikan negara sentiasa maju dalam pelbagai bidang. Dalam melaksanakan perubahan Malaysia untuk mencapai kemajuan, mahasiswa menjadi tunjang utama. Mahasiswa berperanan untuk memikirkan perubahan dalam sesebuah negara supaya dapat meningkatkan taraf hidup masyarakat di samping mengukuhkan kesepaduan antara pelbagai etnik. Oleh itu, mahasiswa perlu lebih proaktif dalam menceburi ilmu pengetahuan yang lebih luas supaya dapat merangka dan membentuk model baharu dalam usaha untuk menguatkan lagi perpaduan antara etnik di negara ini.

Secara keseluruhannya, kajian ini dapat mengenal pasti partisipasi mahasiswa UPSI dalam aktiviti yang diadakan di KRT tempat kediaman mereka sendiri dalam membina kesepaduan etnik. Tahap keberkesanan dan penglibatan mahasiswa terhadap aktiviti KRT adalah pada tahap yang tinggi dan sangat membanggakan. Hal ini dapat dibuktikan dengan kehidupan masyarakat yang sentiasa Bersatu-padu dan bekerjasama secara aman dan harmoni walaupun dalam menjalani kehidupan seharian secara berbilang agama, bangsa dan etnik. Perbezaan yang wujud tidak menjadi penghalang kepada kesepaduan malah menjadi satu keunikan dalam negara ini.

Hasil kajian ini dapat dijadikan sebagai penanda aras untuk mengkaji pendapat golongan muda yang lain dan dijadikan panduan kepada kepelbagaian korpus ilmu untuk pembuat dasar, masyarakat

dan ahli akademik dalam usaha untuk membina kesepaduan etnik. Malaysia telah menetapkan bahawa perpaduan tunjang utama dalam memastikan negara menjadi aman dan sejahtera daripada sebarang perselisihan antara etnik.

RUJUKAN

- Barth, F. (1969). *Ethnic groups and boundaries: The social organization of culture difference*. Boston: Little, Brown and Company.
- Belkhdjja, C. (2013). *Improving the assessment of international students' contribution to Canadian Society, Knowledge Synthesis*. Canada: Université de Moncton and Victoria Esses, Western University Pathways to Prosperity Partnership.
- Chua, Y. P. (2006). *Kaedah dan statistik penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw Hill.
- Habib, C. (2019). Peran mahasiswa di masyarakat. *De Banten-Bode: Jurnal Pengabdian Kepada Masyarakat (PKM) Setiabudhi*, 1(1), 35-40.
- Hairol Anuar, M. D., Nor Azlili, H., Azlina, A., Mohd Mahadee, I., & Marzudi, M. Y. (2020). Hubungan sosial rentas etnik ke arah pengukuhan kesepaduan sosial di Malaysia. *Islamiyyat*, 42, 108.
- Hamidah, A. B. (2014). Kepimpinan Rukun Tetangga: Satu kajian kes di Kawasan Rukun Tetangga, Kampung Malaysia Raya, Cheras, Kuala Lumpur. *Tesis Ijazah Sarjana Sains Kemasyarakatan*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ibnu Khaldun (1993). *Mukadimah Ibn Khaldun (Terj. Dewan Bahasa dan Pustaka)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN). (2021). *Panduan pengurusan dan pentadbiran Rukun Tetangga*. Putrajaya: Kementerian Perpaduan Negara.
- Jainudin, N. (2012). *Program Jalinan Muhibbah pupuk integrasi*. Diperoleh daripada <https://eprints.ums.edu.my/id/eprint/4449/1/nc0000001742.pdf>.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (1998). *Faktor – faktor yang mempengaruhi minat mengajar di kalangan guru*. Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan.
- Kementerian Perpaduan Negara. (2021). *Dasar Perpaduan Negara*. Wilayah Persekutuan Putrajaya: Kementerian Perpaduan Negara.
- Khairul Ghufuran, K., Mansor, M. N., & Mohd Mahzan, A. (2018). Perspektif pelajar terhadap Kurikulum Sejarah peringkat menengah di Malaysia. *Jurnal Pemilik Pendidikan*, 9(9): 31-42.
- Krejcie, R.V., & Morgan, D.W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement* 30, 607-610.
- Mansor, M. N. (2012). *Kerencaman sosial dan penipisan batas etnik: Kepelbagaian etnik dan perkongsian hidup bersama di Malaysia*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Rafie, A. (2022, 26 Mac). 974 Kawasan Rukun Tetangga Tidak Aktif. *Utusan Malaysia*. Diperoleh daripada <https://www.utusan.com.my/berita/2022/03/974-kawasan-rukun-tetangga-tak-aktif>
- Mohd Syariefudin, A., Mazdi, M., Mohd Marzuqi, A.R., Muhammad Akramin, K. Z., & Khairul Ghufuran, K. (2020). Penubuhan Rukun Tetangga di Malaysia daripada perspektif Islam. *Tinta Artikulasi Membina Umah*, 6(1), 102-104.
- Mohd Syariefudin, A., Syed Salman Al-Yahya, S. S., & Nur Azah, R. (2022). Keberkesanan strategi Rukun Tetangga (RT) dalam memupuk kesepaduan sosial dalam kalangan masyarakat pelbagai etnik di Tanjung Malim Perak. *Advances in Humanities and Contemporary Studies*, 3(1), 143-154.
- Muhammad Zulsyaini, S. S. (2023, 10 Oktober). Laksana aktiviti kemasyarakatan. *Berita Harian*. Diperoleh daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/10/1163002/laksana-aktiviti-kemasyarakatan>
- Noor Hayati, M. (2023, 14 Mei). Orang Muda Kurang Minat Punca KRT Tidak Aktif. *Kosmo Malaysia*. Diperoleh daripada <https://www.kosmo.com.my/2023/05/14/orang-muda-kurang-minat-punca-krt-tidak-aktif/>
- Rozmi, I. (2017). *Metodolodi penyelidikan: Teori dan praktis (Edisi Keempat)*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sarjit, S. G., Zulkhairi, Z., A.T Talib, Mohd Roslan, R., & Kunasekaran, P. (2021). Peranan pemimpin Rukun Tetangga dalam merealisasikan agenda Dasar Perpaduan Negara. *International Conference of Social Sciences and Management*. (81-82). Bintulu, Sarawak: Fakulti Kemanusiaan, Pengurusan dan Sains, Universiti Putra Malaysia.
- Shamsul Amri, B. (2012). *Modul Hubungan Etnik*. Edisi Kedua. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Tan, T. C., & Mohd Syariefudin, A. (2021). Kesepaduan sosial dalam kalangan pelajar universiti. *Advances in Humanities and Contemporary Studies*, 2(2), 24-33.

- Wan Abdul Halim, O. (1982). *Masyarakat Setingan di Wilayah Persekutuan*. Pulau Pinang: Pusat Penyelidikan Dasar, Universiti Sains Malaysia.
- Zamri, S. (2020, 6 Februari). Mahasiswa nadi penggerak masyarakat bertamadun. *Berita Harian*. Diperoleh daripada <https://www.bharian.com.my/rencana/surat-pembaca/2020/02/653005/mahasiswa-nadi-penggerak-masyarakat-bertamadun>